

B. Isi tempat kosong dengan kata kerja transitif yang betul.

membeli

mencabut

mencuci


mengetuk

menjemur

mengutip

memakai

menghias



1. Narin \_\_\_\_\_ pintu sebelum masuk ke dalam kelas.



2. Fiza \_\_\_\_\_ sampah di bawah meja.



3. Anand \_\_\_\_\_ kasut sukan.




4. Helmi \_\_\_\_\_ meja guru dengan alas plastik.



5. Selepas bermain, Guan Hong \_\_\_\_\_ kaki dengan air bersih.



6. Ibu \_\_\_\_\_ rumput di halaman rumah.



7. Amira \_\_\_\_\_ pakaian di ampaian.



8. Zhi Ying \_\_\_\_\_ makanan di kantin.

## UNIT II: KESELAMATAN DI SEKOLAH

A. Isi tempat kosong dengan kata kerja pasif yang betul.

dikejar

dibaiki

dipasang

dimakan

disimpan

dimasak


ditanam




1. Buah jambu batu itu \_\_\_\_\_ oleh Narin.



2. Sup sayur yang sedap ini \_\_\_\_\_ oleh ibu.



3. Ubat-ubatan \_\_\_\_\_ oleh kakak di dalam peti ubat.



4. Kipas baharu itu \_\_\_\_\_ oleh Encik Halim.



5. Tombol pintu yang rosak itu sedang \_\_\_\_\_ oleh ayah.




6. Anak pokok bunga \_\_\_\_\_ oleh mereka.



7. Budak itu berlari laju kerana \_\_\_\_\_ oleh ayam.

B. Susun kata dan frasa di bawah supaya menjadi ayat yang betul berdasarkan gambar yang diberikan.

Kantin Sekolah



1. semasa / membeli / Murid-murid / dan minuman / di kantin. / beratur / makanan

---

---

2. waktu rehat. / makanan / pada / Mereka / menikmati

---

---

3. gelas / Anand / meletakkan / besen. / pinggan dan / di dalam

---

---

4. pembalut makanan / tong sampah. / Fendi / ke dalam / membuang

---

---


5. selepas / mencuci / makan. / Zhi Ying / tangan

---

---

## UNIT 12: KESELAMATAN DI JALAN RAYA

A. Isi tempat kosong bagi ayat di bawah dengan frasa yang betul.



1. Kita perlu memakai tali pinggang keledar \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. Sandra dan ibunya sentiasa berjalan di \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3. Anand memeluk ayahnya semasa \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4. Fungsi lampu isyarat adalah untuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5. Amira dan kawan-kawannya tidak berebut-rebut \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

B. Isi tempat kosong dalam petikan di bawah dengan perkataan yang diberikan.

|                       |             |                  |              |
|-----------------------|-------------|------------------|--------------|
| cermat                | berdisiplin | menaiki          | mengganggu   |
| keselamatan           | bertukar    | berhenti         | pejalan kaki |
| tali pinggang keledar |             | bertanggungjawab |              |

Vimala menemani ibu bapanya ke pasar tani. Mereka (1)\_\_\_\_\_ kereta ke pasar tani. Sebelum bertolak, ayah mengingatkan Vimala dan ibunya supaya mengikat (2)\_\_\_\_\_ dengan betul.

Ayah Vimala memandu kereta dengan (3)\_\_\_\_\_ dan berhemah. Dia akan berhenti apabila lampu isyarat (4)\_\_\_\_\_ menjadi merah.

Sepanjang perjalanan, Vimala tidak bermain-main di dalam kereta. Dia juga tidak (5)\_\_\_\_\_ ayahnya yang sedang memandu kereta. Vimala duduk dengan tertib dan sentiasa (6)\_\_\_\_\_.

Vimala ternampak beberapa orang (7)\_\_\_\_\_ menggunakan jejantas untuk melintas jalan raya yang sibuk. Kereta ayah Vimala (8)\_\_\_\_\_ untuk memberikan laluan kepada pejalan kaki yang menggunakan lintasan belang.

Vimala berasa gembira kerana ayahnya seorang pemandu yang (9)\_\_\_\_\_. Ayah Vimala selalu mengutamakan (10)\_\_\_\_\_ semua pengguna jalan raya.

C. Isi tempat kosong dengan kata kerja berimbuhan beR- yang betul.

berhenti

belajar

bernyanyi

bekerja

berbual

berjoging

bercerita

bermain

1



1. Amira menyertai pertandingan \_\_\_\_\_.

2



2. Kakak \_\_\_\_\_ sambil bertepuk tangan.

3




3. Ibu \_\_\_\_\_ dengan datuk melalui telefon.

4



4. Puan Nadia \_\_\_\_\_ sebagai guru di sekolah rendah.

5



5. Abang \_\_\_\_\_ supaya badan sihat.

6



6. Murid-murid \_\_\_\_\_ di dalam kelas.

7



7. Guan Hong dan Anand \_\_\_\_\_ bola di padang.


8



8. Kereta Encik Adam \_\_\_\_\_ di hadapan rumahnya.

## UNIT 13: BIJAK SAINS

A. Bina empat ayat berdasarkan peta alir di bawah.



1. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**B. Baca petikan dan jawab soalan yang berikut.**

Amira melihat pokok-pokok bunga di halaman rumahnya. Pokok-pokok bunga itu kelihatan segar. Amira dan adiknya selalu menyiram pokok-pokok bunga.

Setiap tumbuhan memerlukan air untuk hidup. Amira tidak mahu pokok-pokok bunga tersebut layu dan mati. Air yang mencukupi dapat menjadikan pokok bunga tumbuh subur.

Pada petang itu, Amira dan adiknya menyiram pokok-pokok bunga. Mereka juga menggunting daun kering dan ranting kering di pokok bunga.

Selepas itu, Amira membubuh baja. Baja dibubuh untuk membantu tumbesaran pokok. Amira dan adiknya berasa gembira apabila melihat pokok-pokok bunga yang cantik tumbuh subur di halaman rumah.

1. Apakah yang diperlukan oleh setiap tumbuhan untuk hidup?

---

---

2. Siapakah yang menggunting daun kering dan ranting kering di halaman rumah?

---

---

3. Apakah kegunaan baja?

---

---

4. Mengapakah Amira dan adiknya berasa gembira?

---

---